

17 APR 1997

ASEAN TIDAK LAGI BERGANTUNG KEPADA JEPUN

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Jepun tidak sepatutnya bersikap angkuh malah perlu bersedia menerima hakikat bahawa Asean kini tidak lagi bergantung kepadanya, demikian menurut seorang pegawai dagang Jepun hari ini.

Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Jepun di Malaysia Tan Sri K. Suzuki berkata, Jepun masih lagi beranggapan bahawa "Asean disokong oleh Jepun dan oleh itu Asean masih bergantung kepada Jepun".

Sebaliknya, kesedaran yang dimiliki oleh negara-negara Asean semakin berubah dalam tahun-tahun kebelakangan ini kepada hakikat bahawa "Jepun adalah salah sebuah negara berpengaruh yang berada di sekeliling Asean," tegas beliau.

"Jepun perlu membuka lembaran baru dengan memahami kewujudan jurang persepsi ini," tambah beliau.

Bercakap pada perasmian pejabat biro akhbar kewangan Jepun di Kuala Lumpur, Nihon Keizai Shimbun (Nikkei), Suzuki berkata jurang persepsi itu merupakan salah satu ketidak seimbangan yang wujud di antara Malaysia dan Jepun selain daripada ketidak seimbangan dalam bidang perdagangan.

Menurut beliau media massa mempunyai peranan penting untuk menghapuskan jurang persepsi mengenai perkara itu.

Pejabat akhbar tersebut dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir pada majlis itu ialah presiden Nihon, Keizai Shimbun Inc, Takuhiko Tsuruta, dan Duta Besar Jepun ke Malaysia, Issei Nomura.

Tsuruta berkata biro baru itu akan memainkan peranan penting daripada segi liputan bagi memperkayakan lagi sumber-sumber akhbar berkenaan.

Menurut beliau, pembaca Jepun sangat memerlukan maklumat mengenai kegiatan ekonomi dan perniagaan di Malaysia.

Beliau juga menjelaskan bahawa terdapat kira-kira 1,400 syarikat Jepun yang beroperasi di negara ini, sebahagian besarnya dalam industri elektronik.

"Dengan tertubuhnya biro baru ini, kami berazam untuk mempertingkatkan lagi usaha dalam pengumpulan dan pengedaran berita dari Asia," kata beliau.

Menurut Tsuruta, biro akhbar berkenaan di Kuala Lumpur dilengkapi dengan sistem ranagkaian paling lengkap berbanding syarikat-syarikat akhbar Jepun lain.

-- BERNAMA

ZMY DIN OS